

Seorang penghidap buah pinggang perlu tunggu sekurang-kurangnya 20 tahun sebelum menjalani pemindahan organ disebabkan kekurangan penderma.

Begitulah situasi dihadapi 80 peratus penderita penyakit kegagalan fungsi buah pinggang peringkat akhir (ESRD) yang terpaksa terus bergantung pada mesin dialisis untuk meneruskan hidup.

Mungkin ramai tidak sedar, tempoh 20 tahun itu sebenarnya sangat lama, panjang dan memerlukan apatah lagi untuk pesakit ESRD. Senario ini meletakkan Malaysia sebagai negara yang mempunyai tempoh menunggu paling lama berbanding negara Eropah dan Asia lain disebabkan kesedaran masih rendah mengenai kepentingan peranan penderma organ.

Namun itu tidak pernah menghentikan usaha organisasi tertentu dalam terus memberi kesedaran mengenai kepentingan rakyat Malaysia untuk melafazkan ikrar sebagai penderma organ, termasuk

# RAMAI MASHIH SANGSI

## NFK terus gigih jalankan program kesedaran derma buah pinggang

### INFO

#### Syarat menjadi penderma:

- Sihat
- Bebas penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik dan genetik.

#### Kumpulan berisiko rosak buah pinggang:

- Pesakit kencing manis
- Mempunyai masalah tekanan darah tinggi
- Mempunyai sejarah keluarga penghidap masalah buah pinggang
- Individu yang tua sebelum usia
- Mengamalkan gaya hidup tidak sihat termasuk obes

Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) yang terus menjalankan program Drive (CODE): Life A Forum on Living

#### Renal Transplantation.

Program berkenaan yang membawa agenda meningkatkan kesedaran masyarakat diisi dengan pelbagai aktiviti termasuk perkongsian pengalaman pesakit yang menjalani dialisis dan penjaga supaya lebih ramai tampil untuk berikrar menjadi penderma hidup.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif NKF, Chua Hong Wee, biarpun pelbagai kempen dijalankan dan banyak bukti kejayaan mengenai pemindahan organ memberi manfaat kepada pesakit, sebahagian besar masyarakat masih mempunyai persepsi negatif mengenainya.

Justeru, program Drive (CODE): Life - A Forum on Living Renal Transplantation yang bermula sejak November 2018 dipergiatkan lagi termasuk pengisian dan perkongsian pengalaman bekas pesakit dan ahli keluarga dalam terus

membuka pandangan masyarakat mengenai manfaat pemindahan organ berkenaan.

“Melalui program ini, NKF berharap dapat mendidik dan mewujudkan kesedaran mengenai pemindahan buah pinggang sebagai pilihan pertama untuk pesakit yang sangat memerlukan buah pinggang baharu.

“Buat masa ini dialisis adalah satu-satunya pilihan untuk mereka meneruskan hidup tetapi kualiti kesihatan sebenar hanya dinikmati pesakit setelah menjalani pembedahan pemindahan organ. Ini kerana dialisis perlu dilakukan tiga kali seminggu sepanjang hayat. Pesakit tidak saja ‘terikat’ dengan pusat rawatan dialisis, malah banyak aktiviti juga terpaksa dihadkan.

“Maka, pihak kami percaya dengan meneruskan usaha meluaskan kempen

berkenaan terhadap kumpulan sasaran terutama penderma berpotensi, mereka dapat menyelamatkan orang tersayang.

“Selain itu, dengan memfokuskan terhadap kumpulan ini iaitu ahli keluarga pesakit sebagai penderma hidup yang berpotensi membantu pesakit, setidak-tidaknya ia dapat memecah perspektif negatif masyarakat mengenai pemindahan organ,” katanya.

Timbul pula persoalan sejauh mana kelayakan ahli keluarga pesakit sebagai penderma berpotensi? Kata Chua, selalunya penderma organ dalam keluarga dilihat mempunyai perspektif yang baik dari segi kesesuaian selain lebih mudah untuk diyakinkan mengenai kepentingan pemindahan organ itu dilakukan berbanding menanti penderma organ luar daripada ahli keluarga

atau penderma organ yang sudah meninggal dunia.

Dalam program berkenaan, seramai 138 peserta hadir terdiri daripada pesakit dialisis, penjaga dan kakitangan perubatan yang terbabit dalam pemindahan buah pinggang.

Beberapa aktiviti dijalankan ketika forum berlangsung termasuk ceramah kesihatan mengenai pemindahan buah pinggang oleh pakar perunding nefrologi serta sesi perkongsian oleh penderma dan penerima buah pinggang.

NKF kini mempunyai lebih 1,600 pesakit dialisis menerima rawatan dialisis bersubsidi di lebih 28 pusat dialisis di seluruh negara.

Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti NKF dan berhasrat menyumbang terhadap usaha organisasi, boleh melayari <http://www.nkf.org.my> atau hubungi 03-7954 9048.